



RIME NAZREN ABD RAZAK

LATAR BELAKANG

Beliau mula menceburi bidang teater sejak tahun 1998 sehingga kini. Beliau yang merupakan lulusan Diploma Seni Penulisan Kreatif di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) pada tahun 2002 dan setelah menamatkan pengajian, minat beliau mula terarah kepada bidang Teater. Pada tahun 2003, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah dalam pengkhususan Seni Persembahan Drama di Universiti Malaya (UM) dengan Kepujian pada tahun 2006. Kini, beliau melanjutkan pelajarannya ke peringkat Sarjana Pendidikan dalam bidang Perkembangan Kurikulum di UM.

PENCAPAIAN

Beliau bergiat aktif sebagai Pelakon, Pengarah dan Sinografer di dalam produksi seperti *Bangsawan Mumtaz Mahal*, *Muzikal Selendang Jiwa*, *Muzikal Selendang Sakti*, *Bangsawan Bunga Sakti Cinta Malam*, *Teater Kelapa Nan Sayang*, *Muzikal Tun Abdul Razak*, *Jerung VS U*, *Trem Bernama Desire*, *Di Mana Itik Terbang*, *Muzikal Lantai T.Pinkie*, *Nyonya*, *Muzikal Tun Abdul Razak*, *National Geography: The Leader of Legacy Tun Abdul Razak* dan banyak lagi.

Beliau yang meminati bidang Sinografi, Pengurusan Pentas, Lakonan dan Pengarah telah menulis beberapa buah buku seperti Penerbitan Penjilidan 1 Buku Transformasi Teater: Illuminasi Industri Kreatif terbitan Fakulti Teater ASWARA pada tahun 2011, Penerbitan Penjilidan 2 Buku Skrip ke Pentas terbitan Fakulti Teater ASWARA pada tahun 2011, dan Penerbitan Buku Skrip Teater Kanak-Kanak Terbitan Fakulti Teater ASWARA pada tahun 2011.